

**KESEDIAAN GURU DALAM PELAKSANAAN PROGRAM LINUS DI SEKOLAH
RENDAH**

RUZAINI BINTI RANI

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015

ABSTRAK

Kajian bertujuan mengkaji kesediaan guru dalam pelaksanaan program LINUS di sekolah rendah. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan 171 guru yang mengajar Bahasa Melayu dan Matematik di dalam program LINUS. Instrumen kajian adalah borang soal selidik yang meliputi aspek demografi guru, pengetahuan guru, kemahiran guru, sikap guru, penggunaan modul LINUS dan masalah-masalah yang dihadapi guru dalam melaksanakan program LINUS. Analisis data dibuat secara deskriptif menggunakan min, analisis korelasi Pearson dan ANOVA Satu Hala. Dapatan menunjukkan tahap pengetahuan, tahap sikap dan penggunaan modul LINUS berada pada tahap yang tinggi. Manakala tahap kemahiran guru berada pada tahap sederhana. Cabaran utama yang dihadapi guru dalam program LINUS adalah jumlah murid yang ramai menyebabkan proses pembelajaran sukar dilaksanakan. ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pengetahuan dan sikap guru berdasarkan pengalaman mengajar; tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap kemahiran guru berdasarkan pengalaman mengajar. Analisis korelasi pula menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara tahap sikap dengan pengetahuan guru; terdapat hubungan signifikan antara tahap sikap dengan kemahiran guru; terdapat hubungan yang lemah antara tahap pengetahuan dan kemahiran guru; dan terdapat hubungan yang sangat lemah antara tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dengan pengalaman mengajar. Kesimpulan menunjukkan kesediaan guru berada pada tahap yang tinggi dalam pelaksanaan program LINUS. Implikasi kajian ialah para guru perlu memiliki ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap positif yang tinggi bagi memastikan program LINUS mencapai objektif untuk meningkat kadar literasi dan numerasi di sekolah rendah.



READINESS OF TEACHERS IN THE IMPLEMENTATION OF LINUS PROGRAMME IN PRIMARY SCHOOLS

ABSTRACT

The purpose of this research is to determine readiness of teachers in the implementation of the LINUS programme in primary schools. The study used survey method involving 171 teachers who teach Bahasa Melayu and Mathematics in the LINUS programme. The research instrument is a questionnaire that contains teacher's demography, knowledge, skills, attitudes, the practice of LINUS modules by teachers and the problems faced by teachers in implementing the LINUS programme. The data was analysed using descriptive statistics using mean, Pearsons' correlation and one way ANOVA. Findings indicated that the level of knowledge, attitude, and the practice of LINUS modules were at high level. While teacher skills is at intermediate level. Main challenges faced by teachers in the LINUS programme is that too many students in a class which effected the teaching process. ANOVA shows a significant difference between the level of the knowledge and attitudes based on teacher's teaching experiences; no significant difference on the level of skills based on their teaching experiences. Correlation analysis show that a significant correlation between the level of attitudes and knowledge; a significant correlation between the level of attitudes and skills; a weak correlation between the level of knowledge and level of skills; and a very weak correlation between the level of knowledge, the level of skills and the level of attitudes of teachers with their teaching experiences. In conclusion, the study demonstrates that readiness of teachers are at a high level in the implementation of the LINUS programme. The implications of study is that teachers should have a high knowledge, skills and positive attitude to ensure the LINUS programme achieves the objective of improving the rate of literacy and numeracy in primary schools.

1.8	Kerangka Konseptual Kajian	17
1.9	Kepentingan Kajian	21
1.10	Batasan Kajian	22
1.11	Definisi Operasional	23
1.12	Rumusan	27
 BAB 2 SOROTAN LITERATUR		
2.1	Pengenalan	28
2.2	Program LINUS	28
2.3	Teori dan Model Berkaitan Kajian	41
2.5	Kajian Berkaitan Literasi dan Numerasi	46
2.6	Kajian Berkaitan Kesyukuran Guru	49
2.7	Kajian Berkaitan Penggunaan Modul	58
2.8	Masalah-Masalah Pdp yang Dihadapi oleh Guru	60
2.9	Kajian Berkaitan Pengalaman Mengajar	63
2.7	Rumusan	67
 BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan	68
3.2	Reka Bentuk Kajian	69

3.3	Persampelan dan Populasi	70
3.4	Prosedur Kajian	71
3.5	Instrumen Kajian	75
3.6	Item Soal Selidik	76
3.8	Kajian Rintis	79
3.9	Analisis Data	87
3.10	Rumusan	91

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	92
4.2	Profil Sampel Kajian	93
4.3	Tahap Pengetahuan Guru LINUS Dalam Melaksanakan Program LINUS	98
4.4	Tahap Kemahiran Guru LINUS Dalam Melaksanakan Program LINUS	100
4.5	Tahap Sikap Guru LINUS Dalam Melaksanakan Program LINUS	102
4.6	Peranan Modul LINUS Dalam Pelaksanaan Program LINUS	104
4.7	Masalah-Masalah Pdp Yang Dihadapi Oleh Guru LINUS Dalam Melaksanakan Program LINUS	107

4.8	Min Keseluruhan Bagi Kesemua Aspek Kesediaan Guru	
	Dalam Pelaksanaan Program LINUS	110
4.9	Menentukan Hubungan Antara Tahap Pengetahuan, Tahap	
	Kemahiran dan Tahap Sikap Guru LINUS	112
4.10	Hubungan Pengalaman Menjadi Guru LINUS dengan Tahap	
	Pengetahuan, Tahap Kemahiran dan Tahap Sikap Guru LINUS	114
4.11	Membandingkan Pengalaman Menjadi Guru LINUS Terhadap	
	Tahap Pengetahuan, Tahap Kemahiran dan Tahap Sikap	
	Guru LINUS	117
4.12	Rumusan	122
BAB 5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	124
5.2	Perbincangan	125
5.3	Cadangan dan Implikasi Kajian	142
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	145
5.5	Sumbangan Kajian Dalam Bidang Penyelidikan	146
5.5	Penutup	147
RUJUKAN		149

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
3.1 Ringkasan Item Soal Selidik	77
3.2 Skala Likert respon soal selidik bahagian B dan C	78
3.3 Skala Likert respon soal selidik bahagian D, E dan F	78
3.4 Penghuraian data bagi tahap penilaian kesahan instrumen	80
3.5 Penambahbaikan item soalan soal selidik	81
3.6 Nilai Alpha Cronbach kebolehpercayaan instrumen	84
3.7 Alpha Cronbach bagi instrumen kajian (n = 32)	85
3.8 Alpha Cronbach Selepas Pengubahsuaian (n=32)	85
3.9 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	86
3.10 Ringkasan item soal selidik selepas kajian rintis	87
3.11 Penghuraian data bagi tahap penilaian nilai min	88
3.12 Aras kekuatan nilai pekali korelasi (r)	89
3.13 Ringkasan analisis data	90
4.1 Profil sampel kajian berdasarkan jantina, kelulusan akademik tertinggi, mata pelajaran yang diajar dan bilangan murid yang diajar	94
4.2 Profil sampel kajian berdasarkan pengalaman mengajar, pengalaman menjadi guru LINUS dan opsyen	95
4.3 Profil sampel kajian berdasarkan kursus yang dihadiri anjuran KPM, JPN, PPD dan sekolah	97


4.4	Taburan min dan sisihan piawai bagi tahap pengetahuan guru LINUS dalam melaksanakan program LINUS	98
4.5	Taburan min dan sisihan piawai bagi tahap kemahiran guru-guru LINUS dalam melaksanakan program LINUS di sekolah rendah	100
4.6	Taburan min dan sisihan piawai bagi tahap sikap guru-guru LINUS dalam melaksanakan program LINUS di sekolah rendah	102
4.7	Taburan min dan sisihan piawai bagi tahap peranan modul LINUS dalam Pelaksanaan program LINUS di sekolah rendah	104
4.8	Taburan min dan sisihan piawai bagi masalah-masalah yang dihadapi oleh guru LINUS dalam melaksanakan program LINUS di sekolah rendah	107
4.9	Min keseluruhan setiap aspek terhadap kesediaan guru dalam melaksanakan LINUS di sekolah.	110
4.10	Ujian Korelasi Pearson antara tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan tahap sikap	112
4.11	Korelasi antara pengalaman menjadi guru LINUS dengan tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan tahap sikap guru LINUS	115
4.12	Skor min tahap pengetahuan guru berdasarkan pengalaman menjadi guru LINUS	118
4.13	Skor min antara kumpulan dalam tahap pengetahuan guru LINUS berdasarkan pengalaman menjadi guru LINUS	119
4.14	Skor min tahap kemahiran guru berdasarkan pengalaman menjadi guru LINUS	119

4.15	Skor min antara kumpulan dalam kemahiran guru LINUS berdasarkan pengalaman menjadi guru LINUS	120
4.16	Skor min tahap sikap guru berdasarkan pengalaman menjadi guru LINUS	121
4.17	Skor min antara kumpulan dalam tahap sikap guru LINUS berdasarkan pengalaman menjadi guru LINUS	122



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka Konseptual yang diubah suai daripada Model Reflektif Wallace (1995) dan Teori Resapan Inovasi oleh Roger (2003)	17
3.1 Carta aliran prosedur kajian	72



SENARAI SINGKATAN

JPN	- Jabatan Pendidikan Negeri
KIA2M	- Kelas Intervensi Awalan Membaca dan Menulis
KPI	- Key Performance Indeks
KPM	- Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	- Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LINUS	- Literation and Numeration Screening
NKRA	- National Key Result Areas
PdP	- Pengajaran dan Pembelajaran
PISA	- Program for Internasional Student Assessment
PPD	- Pejabat Pendidikan Daerah
PPDHL	- Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat
PROTIM	- Program 3M (Membaca, Menulis dan Mengira)
SPSS	- Statistical Package for the Sosial Sciences
VAKT	- Visual, Audio, Kinestetik dan Taktikal

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Pengesahan Pelajar Untuk Membuat Kajian
- B Surat Kelulusan Untuk Membuat Kajian daripada EPRD
- C Surat Kebenaran Untuk Membuat Kajian daripada JPN Selangor
- D Surat Kebenaran Pengesahan Soal Selidik
- E Borang Soal Selidik

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Peluang pendidikan perlu diberi sama rata kepada semua kanak-kanak walau bagaimana keadaan mereka sekali pun. Pada tahun 1990, satu Konferens Antarabangsa Pendidikan '*Education for All*' telah diadakan di Jomtiem, Thailand. Delegasi daripada 155 negara dan 150 wakil organisasi berikrar memberikan pendidikan rendah kepada semua kanak-kanak dan mengurangkan kadar buta huruf. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menyediakan pendidikan yang setara bagi semua murid.

Berdasarkan Buku Panduan Am Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KPM, 2003), bahawa setiap murid adalah berbeza antara satu sama lain sama ada dari segi pengalaman, tingkah laku, amalan, bakat dan kebolehan. Berasaskan kesedaran itu

kerajaan telah mengambil langkah dengan memperkenalkan Program Literasi dan Numerasi (LINUS) untuk melahirkan generasi yang celik huruf dan maju ke hadapan.

Program LINUS telah diperkenalkan semasa pembentangan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (National Key Result Areas-NKRA) pendidikan oleh Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin pada bulan Ogos 2009. Matlamat utama LINUS supaya setiap kanak-kanak perlu menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi selepas mengikuti tiga tahun pendidikan rendah (KPM, 2010a). Program LINUS bermula pada tahun 2010 dan disasarkan kepada murid yang mempunyai masalah dalam 3M iaitu membaca, menulis dan mengira.

Kemahiran membaca merupakan aspek yang sangat penting dalam proses pencerapan ilmu pengetahuan. Menurut Abdillah (2009) kemahiran membaca bermula daripada mengenal, mengecam dan menyebut huruf dan suku kata, membaca perkataan, ayat seterusnya petikan ataupun karangan. Kegagalan murid menguasai bacaan perkataan tiga suku kata ini akan menyekat penguasaan kemahiran membaca perkataan yang lebih mencabar (Abdillah, 2009). Kemahiran menulis pula merupakan aspek kegiatan berbahasa yang dianggap sukar dikuasai. Murid-murid perlu mahir menulis kerana hampir setiap kertas peperiksaan di negara ini memerlukan mereka menjawab dalam bentuk tulisan dan ada sesetengahnya pula memerlukan jawapan yang panjang lebar dalam bentuk ayat (Noorazman Mahat, 2009). Kemahiran menulis perlu selari dengan kemahiran membaca supaya murid dapat menyampaikan sesuatu maklumat dengan sempurna.

Kemahiran numerasi adalah kemampuan membaca, menulis, mengira dan menyusun nombor hingga 1000, menjadi cekap dalam operasi Matematik, menambah, menolak mendarab dan membahagi dan dapat mengaplikasikannya dalam operasi wang, masa dan ukuran panjang (KPM, 2011). Kefahaman konsep merupakan perkara penting dalam pembelajaran Matematik. Proses pembelajaran Matematik yang bermakna banyak berasaskan kepada aktiviti mental melibatkan proses mencari, membina dan mengapikasi perhubungan atau perkaitan secara logik serta membentuk kefahaman intuitif mengenai sesuatu konsep (Mohd Salleh & Tan Wee Chuen, 2001). Murid-murid yang tidak dapat menguasai konsep Matematik akan menganggap mata pelajaran itu sukar.

Guru merupakan agen perubahan yang mendidik dan melahirkan generasi yang akan datang dan menjadi tanggungjawab guru untuk merealisasikan cita dan hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Wawasan 2020 yang berlandaskan kepada matlamat pendidikan negara (Mok Soon Sang, 2010a). Di dalam Akta Pendidikan 1996 'guru' ditakrif sebagai seorang yang mengajar pelajar di sesebuah institusi pendidikan; atau menyediakan, mengeluarkan bahan pelajaran dan memeriksa jawapan yang dikembalikan melalui pusat pendidikan jarak jauh termasuklah oleh guru besar atau pengetua (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2005).

Antara ciri-ciri pengajaran ialah mempunyai dua unsur utama iaitu pengajar (guru) dan murid (Mok Soon Sang, 2010b). Faktor guru adalah signifikan dalam mempengaruhi minat dan komitmen pelajar terhadap pelajaran serta berpotensi mengubah sikap dan status pelajar terhadap sesuatu kurikulum (Hattie, 2003). Guru

perlu faham dengan jelas dan menghayati akan matlamat dan objektif sesuatu mata pelajaran. Guru perlu cekap dan mahir dalam pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan mata pelajaran tersebut agar persediaan mengajar dapat disediakan dengan lebih baik (Rahil, Habibah, & Kamariah, 2009).

Tanggungjawab guru di dalam program LINUS adalah sangat besar. Di dalam program LINUS, KPM telah menggariskan peranan-peranan yang perlu dijalankan oleh guru yang mengajar murid LINUS. Guru perlu melaksanakan ujian saringan iaitu ujian lisan dan bertulis bagi mengumpul data dan mengenal pasti murid LINUS (KPM, 2011). Guru yang mengajar murid LINUS perlu mentadbir kelas dengan baik dan menjalankan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang sesuai dengan tahap keperluan murid serta sentiasa mendalami kaedah PdP yang berkesan supaya program LINUS ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan (KPM, 2011). Menurut Esah Sulaiman (2003), guru merupakan pengurus pembelajaran yang bertanggungjawab untuk merancang pengetahuan, kemahiran dan nilai yang hendak diajar kepada murid setiap hari.

Sesuatu program akan berjaya jika mendapat sokongan yang padu daripada seorang guru. Begitu juga dengan pelaksanaan program LINUS dimana ia memerlukan sokongan yang sepenuhnya dari guru. Menurut Klausmeier (1985) seseorang guru hanya akan menyokong sesuatu inovasi pendidikan sekiranya guru bersikap positif terhadap inovasi tersebut. Guru perlu bersikap positif dan sentiasa bersedia bagi menghadapi setiap inovasi di dalam pendidikan di Malaysia. Ini menunjukkan kejayaan sesuatu inovasi dalam pendidikan adalah berkait rapat dengan kesediaan guru dalam melaksanakan perubahan tersebut.

1.2 Latar Belakang

Key Performance Indeks (KPI) bagi NKRA ke-3 iaitu bagi Meluaskan Akses Pendidikan Berkualiti Dan Berkemampuan meletakkan sasaran 100% murid yang tidak mempunyai masalah pembelajaran boleh menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi selepas 3 tahun persekolahan rendah menjelang 2013. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melancarkan Program Literasi dan Numerasi (LINUS) pada tahun 2010 satu inisiatif bagi mencapai KPI tersebut. LINUS ialah satu program pemulihan yang dilaksanakan bertujuan untuk membantu murid-murid yang mengalami masalah dalam penguasaan kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M). Program ini mensasarkan murid dapat menguasai semua kemahiran 3M dalam tempoh tiga tahun pertama pendidikan mereka di sekolah rendah.

Program LINUS adalah penambahbaikan daripada Program Kelas Intervensi Awalan Membaca dan Menulis (KIA2M) untuk murid-murid tahun satu yang telah dilaksanakan mulai 2006. Selain itu KPM juga melaksanakan Program 3M, Program Pemulihan 3M (ProTiM) untuk membantu masalah penguasaan literasi dan numerasi murid di sekolah rendah. Terdapat 7,430 murid tahun satu di Terengganu masih tidak berjaya mahir dalam membaca dan menulis sehingga bulan Mei 2008 (Utusan, 2008). Hal ini merupakan satu agenda yang penting bagi KPM untuk memastikan semua murid menguasai literasi dan numerasi di awal persekolahan mereka.

Kemahiran membaca, menulis dan mengira merupakan kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh semua murid. Menurut Mahzan (2008), kepentingan untuk melihat

akan keupayaan murid dalam mewujudkan sesebuah kurikulum pendidikan literasi Bahasa Melayu perlu diberi keutamaan. Menurut Roselan (2003), kemahiran berbahasa merupakan kemahiran asas yang penting dan perlu ditekankan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah dan kelemahan dalam kemahiran ini akan memberi impak terhadap keupayaan murid mencapai keputusan yang lebih baik dalam semua mata pelajaran. Asas literasi dan numerasi merupakan kemahiran yang diperlukan bagi membolehkan murid berkomunikasi dan berinteraksi dalam kehidupan harian serta untuk membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi (Husin Fateh, Nazariyah, Mastura, & Siti Hajar, 2011).

Guru memainkan peranan sebagai pencetus idea dan pembimbing bagi melahirkan suasana pembelajaran yang mencakupi semua bidang kemahiran sebagai sumber kepada pembinaan modal insan. Menurut Tuan Jah (2011) peranan guru amat besar bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai dan sekali gus murid dapat meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa yang dipelajari. Menurut Kenning (1990), guru merupakan individu yang mempunyai kuasa autonomi dalam tugasnya. Guru juga perlu mempunyai pengetahuan yang secukupnya dalam menjalankan tugasnya. Menurut kajian Kharsiah (2009) dalam kajiannya terhadap kesediaan guru Sains dan Matematik menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dari segi pengetahuan dan kemahiran adalah di tahap sederhana.

Kesediaan guru dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap adalah penting bagi memastikan seseorang itu betul-betul bersedia dalam menjalankan tanggungjawab mereka di sekolah. Bagi menghadapi cabaran dan tuntutan daripada perubahan strategi pdp dalam bilik darjah supaya memainkan peranannya yang lebih berkesan, guru hari

ini hendaklah sentiasa berusaha melengkapkan diri dengan mengemas kini ilmu pengetahuan dan kemahiran mengajar dari masa ke semasa (Mok Soon Sang, 2010a).

Pada abad ini, tugas guru bukanlah hanya meluahkan semula isi pelajaran yang terdapat dalam sukatan pelajaran tetapi sistem pendidikan sekarang memerlukan guru yang menjadi pembimbing kepada murid mereka supaya mempunyai kemahiran berfikir, menyelesaikan masalah, berkomunikasi dan berkolaborasi (Syed Ismail & Ahmad Subki, 2010). Pengajaran berpusatkan guru merupakan pendekatan yang baik berbanding pendekatan lain dari segi pengajaran kemahiran asas seperti Matematik dan tatabahasa terutama sekali untuk kumpulan pelajar muda, pelajar lambat atau sering bergantung (Rahil et al., 2009). Faktor penyumbang utama bagi kekuatan pengajaran Bahasa Inggeris adalah faktor guru dan persediaan yang dibuat oleh guru (Rusliza et al., 2012). Ini jelas menunjukkan guru perlu mempunyai kesediaan yang secukupnya bagi menjalankan tugas mereka dengan sempurna di sekolah.

Sikap guru juga memainkan peranan yang penting dalam menjalankan tugasnya. Suasana emosi bilik darjah yang kondusif biasanya ditimbulkan oleh guru yang mempunyai sifat-sifat yang penyayang, bertimbang rasa, peramah dan menjalankan tugas dengan bertanggungjawab dan adil serta mengamalkan sikap demokrasi dan tidak memilih (Syed Ismail & Ahmad Subki, 2010). Menurut Jumrang (2004), menyatakan jika pelajar tidak memahami segala penyampaian dan pengajaran guru semasa PdP kerana penggunaan bahasa maka pastinya ia akan membawa kepada masalah pembelajaran kepada pelajar tersebut. Murid harus melalui pembelajaran yang lebih kukuh dalam keupayaan membaca (Mahzan, 2008).

Terdapat beberapa kaedah untuk mengajar Bahasa Melayu kepada murid antaranya Kaedah Natural, Kaedah Terus, Kaedah Nahu Terjemahan, Kaedah Oral-Aural, Kaedah Kod-Kognitif dan Kaedah Bahasa Komuniti (Tuan Jah, 2011). Menurut Tuan Jah (2011) juga penggunaan setiap kaedah pengajaran bergantung kepada kebijaksanaan dan kewibawaan guru yang melaksanakan PdP dalam bilik darjah. Di dalam program LINUS guru dan murid dibekalkan dengan modul LINUS. Konsep yang dizahirkan dalam penggunaan modul ini ialah pendekatan secara kaedah Pembelajaran Masteri, ansur maju, didik hibur dan penggabungjalinan (KPM, 2012a). Oleh itu guru boleh menggunakan kaedah Pembelajaran Masteri sebagai satu kaedah alternatif dalam PdP murid-murid LINUS.

Program LINUS adalah satu program baru yang dilancarkan oleh KPM bagi membantu murid menguasai asas literasi dan numerasi di sekolah rendah. Keputusan untuk melaksanakan sesuatu inovasi adalah bergantung kepada tahap pengetahuan individu (Rogers, 2003). Oleh itu, kesediaan guru dalam melaksanakan program LINUS di sekolah adalah satu faktor yang penting bagi memastikan program LINUS dijalankan dengan jaya dan mencapai matlamatnya. Sesuatu perubahan itu tidak akan berjaya dilaksana sekiranya pelaksana perubahan masih berpegang teguh pada amalan lama, tidak mahu berubah dan masih terbelenggu dengan sistem kepercayaan yang lama (Mohd Izham & Sufean, 2009).

1.3 Pernyataan Masalah

Keberhasilan pendidikan Malaysia kini telah ketinggalan berbanding negara-negara seperti Singapura, Hong Kong dan Korea (KPM, 2010b). Berdasarkan kajian PISA (Programme for International Student Assessment), menunjukkan Malaysia menduduki tangga ke 44 dalam kategori bacaan pada tahun 2010 (KPM, 2013). Pada tahun 2008, kadar murid yang tidak mencapai sasaran standard literasi pada akhir tahun satu adalah seramai 54,272 (13%) dan jumlah murid yang tidak mencapai sasaran standard numerasi pula sebanyak 117,024 (24%) (KPM, 2010a). Keadaan ini menunjukkan kadar literasi dan numerasi adalah masih rendah di peringkat sekolah rendah.

Guru sebagai penggerak utama di sekolah perlu bersedia dari pengetahuan, kemahiran dan sikap yang positif supaya PdP dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan. Berdasarkan kajian Che Zanariah & Fadzilah (2011) mendapati masalah utama yang dihadapi oleh kebanyakan guru dalam pengajaran kemahiran menulis adalah tidak memahami kandungan sukatan pelajaran terkini, guru juga tidak mahir mengajar kemahiran menulis, dan guru juga tidak mahir teknik penilaian hasil karangan murid. Beliau mendapati masih ramai guru yang mengajar kemahiran menulis mengikut kemahiran lama. Kemahiran baru yang agak sukar diabaikan oleh guru. Ini menunjukkan terdapat guru yang belum bersedia dalam melaksanakan PdP dan mengaplikasikan teknik baru dalam pengajaran di sekolah.

Komitmen dan kesediaan guru adalah sangat penting bagi mencapai objektif dan matlamat sesuatu program. Kajian Abdul Jalil Normarini, Ghazali, Saedah (2011)

menunjukkan permasalahan dalam PdP Bahasa Melayu iaitu masalah pengetahuan dan kemahiran guru serta masalah kelemahan murid dalam kemahiran menulis. Kajian Yahya (2005) juga menyatakan penguasaan kemahiran menulis bukan hanya bergantung pada bakat semata-mata kerana ia juga dipengaruhi oleh pengajaran menulis yang kreatif dan menarik perhatian. Kajian-kajian ini menunjukkan penguasaan kemahiran dan pengetahuan guru dalam pengajaran Bahasa Melayu yang diajar masih lemah.

Guru juga perlu mempunyai kemahiran di dalam bidang yang diceburinya. Kajian Noraini, Loh, Norjoharuddeen, Ahmad Zabidi, & Rahimi (2007) pula menyatakan guru-guru Sains dan Matematik tidak menggunakan sepenuhnya kemudahan TMK yang disediakan oleh kerajaan walaupun telah menghadiri kursus yang dianjurkan oleh pihak KPM. Ini menunjukkan terdapat juga guru yang tidak menggunakan kemahiran dan kemudahan yang telah diberikan semasa menjalankan PdP di sekolah. Keadaan ini boleh menyebabkan objektif PdP tidak tercapai sepenuhnya.

Selain pengetahuan dan kemahiran guru, sikap guru juga memberikan kesan dan mempengaruhi PdP di dalam kelas. Berdasarkan kajian terhadap 472 pelajar 'kaki ponteng' sebagai sampel kajian dari 15 sekolah Semenanjung Malaysia mendapati personaliti guru yang bersikap negatif seperti terlalu garang, suka marah atau suka membebel serta meminggirkan pelajar yang kurang pandai ketika dalam kelas merupakan antara penyebab pelajar ponteng di sekolah menengah (Berita Harian, 2013). Kajian Che Zanariah & Fadzilah (2011) menunjukkan sikap guru yang positif memberi impak yang penting dalam meningkatkan pencapaian murid dan komitmen

murid untuk belajar (Rohani, Hazri, & Nordin, 2010). Guru perlu memupuk sikap yang positif apabila mengajar murid pendidikan khas di dalam kelas inklusif (Ajuwon, Griffin-shirley, & Mullins, 2012). Ini menunjukkan sikap guru mempengaruhi PdP murid di sekolah.

Berdasarkan latar belakang dan masalah kajian yang telah dibincangkan, guru adalah orang yang berperanan paling besar dalam memberi sumbangan serta menjayakan program LINUS ini. Kajian terdahulu juga menunjukkan banyak masalah dalam literasi dan numerasi berpunca daripada kelemahan guru. Memandangkan kajian terhadap kesediaan guru dalam melaksanakan program LINUS di sekolah adalah sangat sedikit. Dengan ini, pengkaji merasakan kajian terhadap kesediaan guru dalam pelaksanaan program LINUS adalah sangat perlu dan wajar dijalankan. Dalam kajian ini pengkaji membuat kajian kesediaan guru adalah dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam pelaksanaan program LINUS di sekolah rendah. Ketiga-tiga aspek ini sangat penting untuk dikaji bagi mengetahui kesediaan guru dalam menggalas tanggungjawab melaksanakan program LINUS di sekolah.

Pengkaji juga melihat dua lagi aspek tambahan iaitu penggunaan modul LINUS dan maklumat tentang masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan program LINUS. Banyak kajian menunjukkan penggunaan modul memberi impak yang positif kepada guru dan murid di dalam proses PdP (Saripah Salbiah et al.,(2013); Normala, (2013); Lee Tien Tien, (2013). Oleh itu pengkaji ingin mengetahui sejauhmana penggunaan modul LINUS memberikan kesan terhadap guru dan murid di dalam program LINUS di sekolah rendah.